

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
KURSUS KEPIMPINAN PEGAWAI MUDA – “PASSION FOR WORK”
PADA HARI AHAD, 25 NOVEMBER 2012, PUKUL 12:00 TENGAH HARI
DI DEWAN ISTANA, HOLIDAY VILLA BEACH REASORT & SPA CHERATING,
KUANTAN**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Profesor Haji Hanim Mohd Tahir,

Konsultan Kursus Protégé Management Services Sdn Bhd;

Encik Zainuddin Mat Hussin,

Timbalan Pendaftar Bahagian Latihan & Pembangunan Kompetensi UMP;

Para peserta kursus;

Tuan-tuan dan puan yang dikasihi sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, sukalah saya menzahirkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya berpeluang untuk bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan bagi menutup Kursus Kepimpinan Pegawai Muda anjuran BLPK pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada sahabat saya, Profesor Haji Hanim Mohd Tahir dari Protégé Management Services Sdn Bhd yang telah mengendalikan kursus ini sejak 23 November 2012 yang lalu.

3. Pemilihan seramai 35 orang pegawai muda Kumpulan Pengurusan & Profesional daripada pelbagai skim perkhidmatan termasuklah 'N', 'S', 'W', 'F', 'J' dan 'B' dalam kursus ini memberi isyarat bahawa pihak pengurusan sentiasa memikirkan kaedah dan cara bagaimana peranan para pegawai muda dapat terus diperkasakan.

'BACK TO BASICS'

4. Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada hari-hari permulaan sebagai Naib Canselor di Universiti ini, saya telah mengadvokasikan keperluan dan kepentingan budaya kerja cemerlang yang berfokuskan strategi, berasaskan nilai dan berpandukan prestasi untuk ditekuni oleh warga kerja UMP.

5. Kita memahami bahawa untuk mencapai kecemerlangan budaya kerja tersebut, maka kaedah, cara dan pendekatan amalan pengurusan sepatutnya bersifat memudahcara dan sistematik tanpa birokrasi keterlaluan, namun tidak pula mengeneipkan peraturan-peraturan perkhidmatan dan prinsip-prinsip ketelusan.

6. Maka itulah pada bulan November 2008, Agenda Transformasi Pengurusan & Pentadbiran telah dilancarkan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus dan tata kelola berasaskan dua paksi utama iaitu pengupayaan (*empowerment*) dan nyahpusat (*decentralization*).
7. Menyedari agenda transformasi tersebut adalah fizikal sifatnya, dan menginsafi bahawa intervensi spriritual adalah elemen yang amat signifikan untuk dijiwai oleh mereka yang beragama dan berakidah, maka usaha pemerksaan budaya kerja cemerlang telah dilengkapi lagi dengan inisiatif Transformasi Diri Ke Arah UMP Terbilang mulai bulan Mei 2009.
8. Rangkaian inisiatif ini digerakkan atas kesedaran bahawa perjalanan UMP menuju kecemerlangan tidak mungkin dapat dilestarikan untuk satu jangka masa yang panjang sekiranya kita mengabaikan teras-terras dan asas-asas yang mendasari kewujudan institusi ini.

9. Selain itu, secara spritualnya, hakikat peranan khilafah (*vicegeral role*) yang terpikul di atas bahu kita untuk melihat perkhidmatan di UMP ini sebagai satu ibadah perlu turut ditunaikan dengan penuh rasa tanggungjawab.

10. Maka itulah, melalui siri pertama Transformasi Diri Ke Arah UMP Terbilang pada 9 Mei 2009, warga pengurusan kanan UMP telah diperingatkan bahawa anjakan paradigma di Universiti dapat direalisasikan dengan adanya kombinasi teknik, sikap dan unsur kerohanian (*divine intervention*) yang didakap (*embrace*) dengan keikhlasan, ketelusan dan ketulusan.

11. UMP pada hari ini memiliki seramai 1,577 orang staf yang merangkumi Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan. Daripada jumlah ini, 618 orang merupakan pegawai akademik dan 234 orang merupakan pegawai bukan akademik. Baki selebihnya seramai 725 orang merupakan kakitangan Kumpulan Sokongan.

12. Walaupun dari segi peratusannya, pegawai bukan akademik hanya membentuk 14.8% daripada jumlah keseluruhan staf, namun golongan ini mempunyai skala sumbangan yang signifikan terhadap perkhidmatan sekiranya mereka diperanankan dengan betul berdasarkan kerangka strategi yang terarah.
13. Dari segi *form*, memanglah angka 14.8% itu amat kecil berbanding 39.7% pegawai akademik dan 46.6% kakitangan sokongan, namun *substance* sistem tadbir urus yang menadikan kelancaran operasi UMP sebenarnya dimiliki oleh para pegawai bukan akademik daripada skim perkhidmatan yang pelbagai dan diwakili saudara dan saudari sekalian dalam kursus ini.
14. Oleh sebab itulah, dalam pelbagai siri pertemuan bersama rakan-rakan sejawat anda, saya acap kali mengingatkan bahawa sistem operasi di UMP ini adalah seperti *miniature* kepada struktur kepimpinan dan governan di peringkat nasional yang beroperasi dengan birokrasinya yang tersendiri dan kompleks.

15. Walaupun pemimpin dan ketua jabatan datang dan pergi, namun apa yang pasti, sistem perkhidmatan awam (*civil service*) akan tetap kekal di kedudukannya dan tidak harus terjejas walaupun berlaku perubahan kepimpinan.

16. Maka, dalam konteks UMP, Kumpulan Pengurusan & Profesional yang dianggotai anda merupakan tonggak *civil service* yang saya sebutkan tadi.

17. Justeru, adalah amat penting bagi kumpulan teras ini membentuk sikap, budaya dan disiplin yang betul supaya kecemerlangan perkhidmatan dapat dilestarikan dengan konsisten tanpa dijejaskan oleh perkara-perkara remeh (*petty matters*) yang tidak mustahak dan tidak penting (*not urgent and not important*).

IKTIBAR DARI SEJARAH

18. Tuan-tuan dan puan-puan,

Walaupun elemen insentif, emolumen, ganjaran dan kemudahan seringkali menjadi ukuran terhadap kepuasan atau minat yang mendalam (*passion*) terhadap pekerjaan, sering kali aspek suci hati (*good faith*), kejujuran, keikhlasan, ketulusan dan ketelusan tidak diberikan perhatian serius oleh sesetengah individu.

19. Kejelasan tujuan dan ketulusan niat dalam konteks perkhidmatan itulah yang ingin saya kaitkan dengan *divine intervention* yang disebutkan pada awal ucapan ini. Saya percaya, perkaitan aspek ini dengan *passion for work* telah disentuh dengan mendalam dan panjang lebar oleh konsultan kita sepanjang tiga hari yang lepas.

20. Adalah penting pada tahap ini, di mana UMP kini telah berusia 10 tahun dengan bilangan staf yang telah meningkat lebih lima kali ganda berbanding hanya 300 orang pada tahun 2004 untuk kembali kepada asas (*back to basics*) bagi melestarikan perjalanan Universiti ini menuju kecemerlangan.

21. Melalui karya beliau berjudul *Day of Empire* (2007), Profesor Amy Chua iaitu penyandang Kursi John Duff Jr. di *Yale Law School* telah mengemukakan dapatan kajian beliau mengenai faktor-faktor kebangkitan kuasa besar (*hyperpowers*) sehingga berjaya menguasai dunia dan faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan dan kejatuhan *hyperpowers* ini.
22. Kajian tersebut, yang meneliti perkembangan empayar dahulu kala iaitu Rom, Mongol, Uthmaniyah, Sepanyol dan British, dan kuasa besar dunia hari ini iaitu Amerika Syarikat mendapati bahawa kestabilan sesuatu empayar dan kuasa itu akan mula goyah pada ketika kemuncak kegemilangannya (*zenith*).
23. Gejala ini, apa yang dirujuk oleh Jim Collins sebagai *Hubris Born of Success* dalam bukunya *How The Mighty Fall* berpunca daripada rasa selesa (*complacence*) yang keterlaluan, konflik dalaman dan perebutan pengaruh serta asas-asas permulaan (*fundamental pillars*) yang tidak dipelihara dan diabaikan.

24. Pemerhatian terhadap fenomena ini telah mendorong Profesor Amy Chua untuk menyimpulkan bahawa China akan mampu mengatasi dominasi Amerika Syarikat dalam millenium ini untuk tempoh yang lebih panjang kerana dinamika dan disiplin yang dimiliki negara tersebut.

25. Oleh sebab itulah, kita perlu banyak bermuhasabah dan mengambil iktibar dari sejarah supaya kesilapan-kesilapan masa lampau tidak lagi diulangi. Sebaliknya, kisah-kisah kejayaan dan kemenangan dalam lipatan sejarah itulah yang perlu dipelajari untuk diterjemahkan di Universiti ini.

KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN

26. Tuan-tuan dan puan-puan,

Demikianlah serba sedikit harapan yang ingin saya kongsi bersama anda demi memastikan input yang diperolehi daripada kursus ini benar-benar dimanfaatkan dalam konteks perkhidmatan anda sebagai pegawai muda di UMP.

27. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Protégé Management Service dan Profesor Haji Hanim Mohd Tahir kerana telah berjaya mengendalikan kursus ini dengan jayanya.

28. Syabas diucapkan kepada Bahagian Latihan & Pembangunan Kompetensi atas komitmen untuk menganjurkan kursus ini demi kecemerlangan perkhidmatan pegawai-pegawai muda UMP.

29. Justeru, dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacita menutup Kursus Kepimpinan Pegawai Muda – *“Passion for Work”* dengan rasminya.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.